Publication: Berita Harian, pg 16

Date: 25 July 2020

Headline: Words of inspiration for SMU graduates

Kata-kata semangat bagi graduan SMU

Satu pameran kerjaya maya turut diadakan

PANDEMIK Covid-19 masih terus menjejas pasaran dan ekonomi dunia.

Meskipun begitu, dalam setiap krisis pasti ada peluang yang boleh dimanfaatkan.

Walaupun Singapura terlalu kecil untuk membentuk trajektori global sepertimana yang diinginkan, ia dapat berkembang maju kerana pantas merebut peluang yang ada, kata Menteri Pertahanan Dr Ng Eng Hen.

Perasaan takut dan bimbang melangkah ke alam pekerjaan dalam keadaan ini boleh difahami, namun beliau menggesa mereka yang baru tamat pengajian untuk menggunakan perasaan tersebut bagi menumpukan minda dan usaha mereka.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya yang disampaikan melalui video yang ditayangkan sebelum sesi panel virtual bagi membincangkan cara lulusan universiti dapat terus menangani cabaran ekonomi dan dunia pasca-Covid-19.

Sesi virtual itu merupakan sebahagian daripada majlis tamat pengajian bagi kelas 2020 Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang diadakan secara virtual semalam.

Dalam ucapannya, Encik Ng berkata beliau sedar dan faham kebimbangan mereka:

"Tapi anda harus sedar bahawa pendidikan anda, terutama sekali di SMU, telah mempersiapkan diri anda dengan lebih baik untuk keadaan seperti ini, membantu anda membuat keputusan yang baik dan bangkit lebih kukuh.

"Saya juga percaya ada di antara anda yang akan merebut peluang yang tersedia semasa pandemik global ini dan berjaya."

Beliau turut menambah pemerintah akan melakukan sedaya-upaya untuk mengekalkan prestasi baiknya di dunia dan memastikan warga Singapura dapat meraih manfaat.

Menerusi satu lagi video yang dimainkan semasa panel virtual tersebut, Menteri Pendidikan Encik Ong Ye Kung meyakinkan para graduan bahawa keadaan ini akan berakhir, dan mereka berupaya menggunakan situasi ini dengan sebaik mungkin.

"Covid-19 telah menyerlahkan aspek terbaik golongan muda. Yang sebenarnya, anda tamat pengajian dalam masa yang begitu istimewa dalam sejarah.

"Ia mungkin masa di mana ramai berasa putus asa tetapi ia juga boleh menjadi masa munculnya banyak peluang," jelasnya. Tambah Encik Ong, beliau melihat dunia

Tambah Encik Ong, beliau melihat dunia yang semakin terbuka kepada idea-idea baru, keistimewaan teknologi dan pembukaan pasaran-pasaran baru.

Selain upacara penyampaian ijazah serta sesi perbincangan panel secara virtual, SMU juga telah menganjurkan pameran pekerjaan maya untuk memberi peluang kepada siswazahnya berinteraksi dengan perwakilan daripada lebih 50 syarikat.

Ini termasuk syarikat berbilang negara (MNC), syarikat kecil dan sederhana (SME) serta syarikat permulaan atau start-up yang telah berkongsi tentang industri mereka dan menawarkan pekerjaan dan peluang latihan.

Ini merupakan pameran pekerjaan virtual ketiga yang telah diadakan untuk kohort yang menamatkan pengajian mereka itu sejak Mac.

Kohort yang menamatkan pengajian mereka tahun ini juga berpeluang menggunakan beberapa peluang pembelajaran dan pembangunan yang disediakan – termasuk webinar, bengkel virtual, podcast, serta artikel dan rujukan yang diterbit SMU.

Selain itu, para siswazah juga boleh memanfaatkan empat modul dari Akademi SMU, iaitu cabang latihan profesional universiti itu.

Sementara itu, segmen penyampaian ijazah kali ini agak menarik; avatar digital setiap pelajar yang direka menggunakan selfie mereka akan 'naik pentas' secara virtual untuk menerima ijazah dari dekan mereka, yang juga dalam bentuk avatar digital.

BERI KATA-KATA DORONGAN

"Tapi anda harus sedar bahawa pendidikan anda, terutama sekali di SMU, telah mempersiapkan diri anda dengan lebih baik untuk keadaan seperti ini, membantu anda membuat keputusan yang baik dan bangkit



lebih kukuh. Saya juga percaya ada di antara anda yang akan merebut peluang yang tersedia semasa pandemik global ini dan berjaya."

- Menteri Pertahanan, Dr Ng Eng Hen.

"Covid-19 telah menyerlahkan aspek terbaik golongan muda. Yang sebenarnya, anda tamat pengajian dalam masa yang begitu istimewa dalam sejarah. Ia mungkin masa di

mana ramai berasa putus asa tetapi ia juga boleh menjadi masa munculnya banyak peluang." – Menteri Pendidikan,



Encik Ong Ye Kung.